

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang universal dan sejagat. Ia merupakan suatu bahasa yang telah wujud sejak abad keenam lagi. Agama Islam pula merupakan agama yang diturunkan oleh Allah SWT dan merupakan suatu agama samawi yang sinonim dengan bahasa Arab.

Ini kerana, kitab suci al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada rasulNya, Nabi Muhammad SAW melaui perantaraan Malaikat Jibrail, merupakan sebuah kitab yang menggunakan seratus peratus bahasa Arab. Allah SWT berfirman di dalam Al-Quran :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Yang bermaksud : Sesungguhnya Kami yang menurunkan peringatan (Al-Quran) dan Kamilah yang memeliharanya.

Ayat ini pada hakikatnya menunjukkan bahawa al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Melalui kitab suci ini, umat Islam disuruh melakukan segala arahan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Jika kita merujuk kepada kitab Al-Quran ini, kita akan dapati ayat-ayat kitab suci ini diturunkan dengan menggunakan bahasa Arab (اللغة العربية) . Hal ini kerana,

Nabi Muhammad SAW yang ditugaskan menyampaikan dakwah dan seruan Islam, merupakan seorang yang berbangsa Arab. Baginda juga menjalani kehidupan harian seperti bertutur dan berinteraksi dengan menggunakan Bahasa Arab.

Pada hari ini, bahasa Arab telah dituturkan lebih daripada satu pertiga penduduk dunia. Ia banyak dituturkan di kebanyakan dunia Arab seperti Saudi Arabia, Mesir, Jordan, Tunisia, Libya dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, negara-negara di benua Afrika juga banyak yang menjadikan bahasa Arab ini sebagai bahasa rasmi negara mereka seperti negara Sudan, Somalia dan Djibouti.

Bahasa Arab yang sinonim dengan agama Islam juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan bahasa ini tersebar luas di seluruh pelusuk dunia. Kedatangan-kedatangan pendakwah pada awal abad kelima belas yang berdagang di beberapa bahagian dunia, membawa sekali ajaran Islam untuk didakwahkan kepada masyarakat tempatan. Dengan penyebaran agama Islam ini, maka mereka secara tidak langsung menyebarluaskan sekali bahasa Arab sebagai bahasa bagi agama ini.

Negara Malaysia yang dikenali sebagai Tanah Melayu pada ketika abad ke 15, merupakan salah satu tempat destinasi pedagang-pedagang daripada timur tengah. Ia merupakan sebuah kawasan strategik dimana ramai pedagang yang datang daripada dunia barat seperti Portugal dan Belanda datang ke sini untuk bermiaga rempah ratus. Tidak ketinggalan dikalangan mereka adalah pedagang-pedagang Arab yang menjalankan perniagaan disamping mereka juga berurus niaga di Tanah Besar China.

Sewaktu berada di Melaka inilah, mereka menyebarkan agama Islam kepada raja dan pembesar-pembesar Melaka pada ketika itu. Ramai dikalangan penduduk tempatan yang memeluk agama Islam setelah melihat pemimpin mereka memeluk agama ini. Hal ini juga menyebabkan bahasa Arab tersebar luas di kalangan penduduk tempatan, kerana perlakuan ibadah di dalam agama Islam memerlukan seseorang itu menuturkannya menggunakan bahasa Arab. Sebagai contoh perlakuan ini adalah bacaan dalam solat, membaca al-Quran, penyembelihan dan berbagai-bagai lagi.

Pada hari ini, pengaplikasian bahasa Arab bukan sahaja hanya tertumpu kepada pengibadatan dan hukum-hakam semata-mata. Ia dilihat jauh meliputi skop pendidikan dan pelajaran. Menurut Muhammad Fauzi Jumingan (2010), pengajian dan pendidikan bahasa Arab di Malaysia mula diterokai sejak zaman tokoh ilmuwan Islam silam seperti Hamzah Sumatrani dan Abdul Rauf Singkel, iaitu pada abad ke-16 dan ke-17 lagi. Pada waktu tersebut, ramai dikalangan ulama silam menuntut ilmu di timur tengah, khususnya di Mekah, Madinah dan Kaherah. Namun begitu, pembelajaran pada masa itu dilakukan secara tidak formal. Malahan, tiada sijil maupun ijazah rasmi yang diberi kepada pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab ini.

Bahasa Arab di Malaysia telah berkembang luas sesuai dengan perkembangan zaman dan teknologi pendidikan yang sentiasa berubah. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya sentiasa memastikan kurikulum pendidikan berada ditahap yang terbaik, tidak terkecuali bidang pendidikan bahasa Arab.

Pada tahun 2011, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal satu kurikulum baru menggantikan KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah). Ia dinamakan sebagai KSSR, singkatan bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Melalui kurikulum ini, pelajar perlu menggunakan empat kemahiran, iaitu membaca, menulis, mengira dan mena'kul (berfikir). Keempat-empat elemen ini diterapkan kepada murid-murid dalam memastikan mereka dapat menguasai sesuatu bidang ilmu itu, bahkan dapat berfikir secara kreatif dan kritis.

1.2 Latar belakang kajian

Kajian tesis yang bertajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif yang dihasilkan melalui kaedah bercampur kualitatif dan kuantitatif. Ia ditulis adalah bagi melihat suatu perkembangan teknik atau kaedah yang dikenali sebagai *muhawarah*, atau istilahnya dalam bahasa Melayu sebagai kaedah berdialog.

Kaedah *muhawarah* ini merupakan antara beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah sedia ada pada masa kini. Cerdik pandai dalam dunia pendidikan telah memikirkan beberapa teknik atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk diaplikasikan oleh guru dan murid-murid dalam bilik darjah.

Begitupun, guru memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan impian tersebut. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah amat dititikberatkan untuk menjamin proses penyampaian ilmu itu dijalankan dengan sempurna dan diterima oleh murid-murid. Pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah merupakan satu proses interaksi antara tiga faktor utama iaitu murid, kandungan pelajaran dan guru. Objektif pengajaran dan pembelajaran ini pula bertujuan untuk murid mengetahui dan menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran yang baru.

Pengajaran berkesan memberi peluang kepada murid-murid untuk berbincang, mengemukakan soalan dan pendapat mereka. Manakala guru juga perlu bijak menyesuaikan pelajaran yang hendak disampaikan dengan tahap kemahiran dan kecerdasan murid. Hal ini adalah bagi memastikan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan dapat menarik minat serta perhatian murid-murid untuk belajar.

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah yang telah dikenal pasti oleh penyelidik, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama. Ketiga-tiga buah sekolah ini merupakan sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan merupakan sekolah yang terletak di pinggir bandar Klang, Selangor.

Matlamat utama penyelidikan ini dihasilkan adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan teknik dan kaedah *muhawarah* ini pada pengajaran guru dan pembelajaran murid-murid di bilik darjah. Selain daripada itu, penyelidik ingin melihat

bagaimanakah proses penerimaan murid-murid terhadap *muhawarah* yang mereka lakukan.

Dalam menghasilkan kajian ini, penyelidik telah mengadakan sampel kajian yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab, dan murid-murid tahun enam di tiga buah sekolah rendah kebangsaan ini. Umum mengetahui bahawa murid-murid yang berada di kelas tahun enam, akan menduduki peperiksaan awam pertama, iaitu *Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)*. Ia merupakan kemuncak penilaian pendidikan setelah enam tahun berada di bangku sekolah rendah. Penyelidik juga ingin melihat adakah selama enam tahun mempelajari mata pelajaran bahasa Arab, mereka dapat kuasainya dengan baik.

Melalui kajian ini juga, penyelidik mencadangkan beberapa cadangan yang dirasakan sesuai untuk ditambah baikkan ke atas kaedah *muhawarah* ini pada masa akan datang. Hal ini bagi menjamin kelangsungan kaedah ini dalam menjadikannya sebagai kaedah yang relevan dalam dunia pendidikan pada masa kini.

1.3 Penyataan masalah

Masalah merupakan isu-isu yang wujud dalam literatur, teori atau amalan yang mewujudkan keperluan pelaksanaan sesuatu penyelidikan. Dalam masalah berkenaan, wujud jurang antara harapan dan pencapaian, percanggahan antara dapatan satu penyelidikan yang lain, dan belum ada penyelesaian kepada isu yang wujud itu. Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang bentuk situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal.

Sesuatu masalah penyelidikan dapat dirujuk sebagai satu keadaan yang menuntut perbincangan, penyelesaian serta maklumat lanjut yang tepat. Suatu permasalahan penyelidikan pada hakikatnya merupakan suatu masalah yang ingin dikaji oleh seseorang penyelidik (Fraenkel & Wallen, 1996), dan boleh berupa sebarang perkara yang penyelidik dapati kurang memuaskan, perlu ditangani, perlu diubah atau berada dalam keadaan yang tidak sepatutnya.

Justeru melalui kajian yang dijalankan ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa permasalahan dan isu yang berkaitan dengan dunia pendidikan bahasa Arab. Antara permasalahan-permasalahan tersebut ialah;

1.3.1 Banyak kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru bahasa Arab dalam menyampaikan pelajaran kepada murid-murid, antaranya adalah kaedah *muhawarah*. Sungguhpun begitu, adakah kaedah ini memberi banyak peranan dalam membantu pengajaran guru-guru bahasa Arab, khususnya di sekolah-sekolah rendah?

1.3.2 Murid-murid pada masa kini didedahkan dengan banyak kaedah pembelajaran sesuai dengan peredaran zaman dunia pendidikan. Penyelidik ingin melihat bagaimanakah peranan kaedah *muhawarah* dalam membantu pembelajaran murid ?

1.3.3 Muhawarah merupakan antara kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru dalam pengajaran. Begitu juga digunakan oleh murid-murid dalam pembelajaran. Tetapi bagaimanakah hasil pembelajaran murid setelah kaedah *muhawarah* ini diaplikasikan?

Bertitik tolak daripada masalah-masalah kajian ini, penyelidik akan mencari solusi dan penyelesaiannya bagi membantu perkembangan pendidikan Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah kebangsaan, seterusnya keperingkat dunia global pendidikan masa kini.

1.4 Persoalan kajian

Sesungguhnya dalam menyempurnakan kajian ini agar lebih bersifat menyeluruh, banyak perkara yang penyelidik rasakan perlu kepada jawapannya. Perkara ini juga sebenarnya menjadi kunci kepada terbentuknya penyelidikan ini. Daripada persoalan-persoalan kajianlah, maka kita lihat banyaknya penyelidikan-penyelidikan dan disertasi itu terhasil pada masa kini.

Antara beberapa persoalan-persoalan kajian yang penyelidik jadikan sebagai sumber inspirasi dalam menghasilkan kajian ini ialah ;

- a) Apakah peranan teknik *muhawarah* ini dalam membantu pengajaran guru terhadap mata pelajaran Bahasa Arab di bilik darjah?
- b) Apakah peranan teknik *muhawarah* ini dalam membantu pembelajaran murid-murid terhadap mata pelajaran Bahasa Arab di bilik darjah?
- c) Bagaimanakah hasil pembelajaran murid-murid dalam subjek Bahasa Arab setelah menggunakan kaedah *muhawarah*?

Sesungguhnya persoalan-persoalan tersebut merupakan titik tolak daripada kajian yang dibina ini. Dengan adanya persoalan-persoalan kajian ini, penyelidik akan cuba sedaya upaya mencari jawapannya, seterusnya menggunakan jawapan tersebut sebagai dapatan kajian daripada penyelidik.

1.5 Objektif kajian

Dalam menjalankan kajian di bawah tajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*”, penyelidik ingin menggariskan objektif serta matlamat daripada kajian yang dihasilkan ini. Melalui kajian ini, terdapat tiga matlamat yang ingin dicapai oleh penyelidik, iaitu;

- a) Mengkaji peranan teknik *muhawarah* dalam pengajaran guru.
- b) Mengkaji peranan teknik *muhawarah* dalam pembelajaran murid-murid.
- c) Mengkaji hasil pembelajaran murid-murid daripada teknik *muhawarah*.

1.5.1 Mengkaji peranan teknik *muhawarah* dalam pengajaran guru dalam menyampaikan pelajaran bahasa Arab ke atas murid-murid. *Muhawarah* merupakan suatu kaedah atau teknik pengajaran yang sering kali diguna pakai oleh guru-guru bahasa, termasuklah guru bahasa Arab. Ianya dianggap sebagai mudah dan praktikal dalam operasi penyampaian isi kandungan serta silibus subjek bahasa Arab.

Penyelidik melihat *trend* yang diguna pakai oleh bahagian buku teks bahasa Arab dalam mempersempahkan isi kandungan silibus, adalah kebanyakannya dengan menggunakan kaedah *muhawarah*. Dengan ilustrasi-ilustrasi dan gambar-gambar yang menarik, penyelidik percaya ianya seakan dijadikan ‘pembuka pintu’ bagi setiap topik di dalam buku teks. Mengikut ilmu psikologi pada masa kini, kanak-kanak biasanya tertarik dengan bentuk-bentuk gambar dengan dihiasi dengan warna-warna yang menarik, yang mana jika diaplikasikan dengan pendidikan, ianya dapat menarik golongan ini untuk belajar. Justeru, penyelidik ingin melihat, sejauh manakah peranan teknik ini ke atas pengajaran guru-guru bahasa Arab.

1.5.2 Menyelidik peranan kaedah *muhawarah* dalam pembelajaran murid-murid.

Umum mengetahui bahawa di dalam dunia pendidikan yang serba moden hari ini, terdapat pelbagai kaedah serta teknik yang dihasilkan oleh cerdik pandai dunia pendidikan dalam memastikan sesuatu pembelajaran itu dapat diterima dengan baik

oleh murid-murid. Salah satu daripada kaedah ini ialah perbualan atau *muhawarah*. Ianya dianggap juga sebagai salah satu daripada gaya-gaya pembelajaran yang sedia ada pada masa kini. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran merujuk kepada cara seseorang individu itu menumpukan perhatiannya dalam memahami dan mengingati sebarang maklumat atau kemahiran baru yang diperolehi. Maka oleh itu, melalui kajian yang dihasilkan ini, penyelidik ingin melihat bagaimakah kaedah *muhawarah* ini berperanan dalam pembelajaran murid-murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab yang diajarkan di sekolah-sekolah.

1.5.3 Melihat hasil pembelajaran murid-murid daripada kaedah *muhawarah*.

Setelah melihat peranan yang dimainkan oleh kaedah *muhawarah* dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, maka penyelidik ingin melihat bagaimakah hasil pembelajaran murid-murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab setelah menggunakan kaedah *muhawarah* dalam aktiviti pembelajaran mereka.

Dengan tiga objektif utama kajian ini, penyelidik amat berharap ia dapat menjawab persoalan-persoalan kajian sebelum ini. Penyelidik hanya meletakkan tiga objektif sahaja adalah kerana bagi mengelakkan kajian ini tersasar dari tujuannya. Selain itu, penyelidik dapat memberikan fokus dan sepenuh tumpuan dengan objektif objektif yang telah digariskan oleh penyelidik sendiri.

Sesungguhnya bagi memenuhi objektif-objektif kajian ini, penyelidik mempersiap siagakan diri dari segi banyak perkara seperti instrumen kajian, sampel kajian dan pelbagai lagi bagi memastikan kajian ini tercapai dari segi objektifnya.

1.6 Batasan kajian

Dalam menyempurnakan kajian yang berbentuk percampuran kualitatif dan kuantitatif ini, penyelidik telah membataskan skop kajian kepada beberapa bahagian. Ini sangat penting kerana, dengan batasan kajian yang telah dibuat, perimeter atau sempadan kajian oleh penyelidik dapat dibentuk. Perkara ini juga bagi memastikan apa yang dikaji oleh penyelidik tidak menyimpang atau tersasar dari tajuk yang dicadangkan oleh penyelidik. Antara batasan kajian tersebut adalah :

1.6.1 Hanya melibatkan sekolah yang dikaji sahaja

Mengenai sekolah sampel kajian yang dikaji, penyelidik hanya melibatkan tiga buah sekolah sahaja, iaitu :

- Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah
- Sekolah Kebangsaan Meru
- Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama

Ketiga-tiga buah sekolah yang disebutkan di atas merupakan sebuah sekolah rendah kebangsaan bantuan penuh kerajaan. Ia merupakan sekolah yang berada di daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.

Penyelidik memilih tiga buah sekolah ini kerana, ianya mempunyai sampel-sampel yang diinginkan oleh penyelidik, seperti murid-murid tahun enam, guru-guru bahasa Arab dan silibus tahunan bahasa Arab.

Selain daripada itu, penyelidik beranggapan bahawa tiga buah sekolah ini telah mewakili sekolah-sekolah kebangsaan yang terdapat di daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.

1.6.2 Melibatkan murid-murid tahun enam sahaja

Kajian yang dijalankan ini merupakan suatu kajian deskriptif yang mana ianya hanya melibatkan murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab dibawah kendalian program j-QAF sahaja. Murid-murid tahun enam ini pula adalah mereka yang belajar di tiga buah sekolah yang disebutkan sebelum ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama. Manakala murid-murid di tahun yang lain selain daripada murid-murid tahun enam ditiga buah sekolah ini, adalah diluar batasan kajian penyelidik.

1.6.3 Melibatkan guru subjek bahasa Arab sahaja

Bagi memastikan kajian ini mempunyai skop kajian agar tidak berlaku penyimpangan, penyelidik hanya menjalankan kajian ke atas guru-guru yang mengajar subjek dan mata pelajaran bahasa Arab, khususnya yang mengajar murid-murid tahun enam. Dalam kes ini, hanya guru-guru Bahasa Arab tahun enam di tiga buah sekolah ini sahaja yang menjadi sampel kajian penyelidik. Manakala guru-guru yang bukan mengajar subjek ini, adalah diluar batasan kajian penyelidik.

1.6.4 Melibatkan silibus bahasa Arab tahun enam sahaja

Kajian yang melibatkan kaedah *muhawarah* ini merupakan kajian yang mengkaji tentang kebolehan serta implikasi teknik ini ke atas murid-murid dan guru-guru dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Justeru bagi mencapai objektif ini, penyelidik hanya menyelidiki silibus yang digunakan oleh guru, iaitu rancangan pengajaran tahunan bagi murid-murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama. Silibus-silibus yang selain daripada silibus mata pelajaran bahasa Arab tahun enam adalah bukan dibidang kajian penyelidik.

1.7 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik berkenaan tajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” ini mempunyai kepentingan dan signifikannya yang tersendiri dalam dunia pendidikan. Ia merupakan kajian yang berbentuk ilmiah, yang mana ianya dibuat bagi tujuan menambah baik kaedah-kaedah pengajaran yang sedia ada, khususnya yang melibatkan teknik *muhawarah* ataupun berdialog ini.

Bagi pihak-pihak yang berkait dengan dunia pendidikan, khususnya kaedah-kaedah yang diguna pakai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, kajian ini adalah suatu kajian yang seharusnya dibaca dan diselidiki oleh mereka. Ini kerana, kajian ini mengupas dengan lebih lanjut tentang kaedah *muhawarah* atau dialog yang diguna pakai oleh dunia pendidikan pada masa kini. Di sini penyelidik menyenaraikan beberapa kepentingan daripada kajian yang dijalankan ini ;

1.7.1 Dapat mendalami pengertian dan konsep *muhawarah*

Melalui kajian ini, penyelidik cuba untuk menerangkan konsep serta pengertian berkenaan teknik dan kaedah *muhawarah*. Hal ini kerana, penyelidik dapati masih ada yang beranggapan bahawa kaedah *muhawarah* ini hanya sekadar dialog dan tidak lebih daripada itu. Justeru, melalui kajian ini, satu interpretasi berkenaan konsep dan

pengertian sebenar tentang kaedah *muhawarah* akan dikupas dengan lebih terperinci dan mendalam.

1.7.2 Mengetahui kebaikan kaedah *muhawarah* dalam pengajaran dan pembelajaran

Kajian yang dibina ini pada hakikatnya ingin mengenal pasti kebaikan-kebaikan serta faedah-faedah yang terdapat dalam kaedah *muhawarah*. Penyelidik percaya dan yakin bahawa kaedah ini mempunyai kebaikannya yang tersendiri.

Selain daripada penggunaan kaedah ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ianya dilihat mampu untuk digunakan sebagai medium bagi menambahkan perbendaharaan kata kepada murid-murid. Perkara ini menyebabkan penyelidik sangat berminat untuk mengkaji secara lebih serius lagi berkenaan faedah-faedah dan manfaat yang diperolehi daripada kaedah *muhawarah* ini.

Seharusnya perlu diketahui bahawa, apabila mempelajari sesuatu bahasa asing sebagai bahasa kedua, penguasaan perbendaharaan kata adalah sangat penting bagi memahami dan mempelajari bahasa tersebut. Dengan penguasaan perbendaharaan kata ini, seseorang pelajar dapat membina ayat, seterusnya dapat berkomunikasi dengan bahasa tersebut dengan baik.

1.7.3 Melihat implikasi teknik *muhawarah* ke atas guru-guru dan murid-murid.

Sepertimana yang telah disebutkan di atas, berkenaan manfaat teknik ini ke atas pengajaran dan pembelajaran, maka penyelidik ingin melihat imlikasinya ke atas pengajaran guru bahasa Arab, serta pembelajaran murid-murid tahun enam ini.

Penyelidik yakin sudah pasti di sana terdapat implikasi-implikasi, sama ada dari sudut positif mahupun sebaliknya, yang lahir daripada kaedah *muhawarah* ini. Para pembaca tesis ini akan melihat secara lebih terperinci apakah dia implikasi-implikasi hasil daripada kaedah tersebut.

Daripada penilaian oleh pembaca selepas melihat implikasi teknik ini dari pelbagai sudut, mereka dapat memilih sama ada ingin menggunakan kaedah ini pada masa akan datang, mahupun sebaliknya. Ini kerana, kaedah-kaedah dalam bidang pendidikan adalah pelbagai dan bervariasi

1.7.4 Dapat dijadikan panduan pada masa akan datang

Hasil kajian daripada penyelidikan ini sebenarnya sangat signifikan kepada pihak-pihak yang memberikan perhatian yang serius dalam dunia pendidikan. Ini kerana, hasil daripada kajian ini, pihak-pihak tersebut, khususnya oleh pihak kementerian, sekolah-sekolah, guru-guru mahupun murid-murid dapat melihat kebaikan

kaedah ini, seterusnya menjadikan penyelidikan ini sebagai panduan dalam pelaksanaan kaedah ini pada masa-masa akan datang.

1.7.5 Penambahbaikan kaedah *muhawarah*

Dalam penyelidikan ini juga, penyelidik telah menyertakan beberapa cadangan-cadangan yang penyelidik rasakan begitu penting dan patut diberi perhatian sewajarnya berkenaan kaedah *muhawarah* ini. Ini kerana, melalui cadangan-cadangan tersebut, penyelidik memberikan sumbangan berbentuk idea dan buah fikiran bagi memastikan teknik dan kaedah *muhawarah* ini bertambah baik pada masa akan datang, seterusnya menjadikan ia sebagai suatu kaedah yang relevan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.8 Kajian lampau

Penyelidik dalam usaha mempersiap dan membina kajian tesis ini, telah merujuk kepada kajian-kajian lampau, yang berkaitan dengan tajuk tesis oleh penyelidik. Terdapat beberapa kajian yang mempunyai hubung kait dan sinonim dengan bidang penyelidikan ini.

Melalui kajian-kajian lampau ini, penyelidik mengambil kira secara umum tentang isi kandungan kajian tersebut, metod serta kaedah kajian yang digunakan dan dapatan utama yang dihasilkan oleh kajian itu.

Kajian-kajian lampau ini telah digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik dalam menyempurnakan kajian ini. Tujuan rujukan ini adalah untuk memastikan segala input-input yang terkandung daripada kajian ini mempunyai sandarannya serta punca dapatannya yang sahih. Perkara-perkara ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di bawah Bab 2 : Kajian Literasi.

1.9 Rangka kajian

Kajian yang menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran ini merupakan kajian yang bersifat ilmiah. Ianya merupakan suatu kajian yang memperincikan serta menerangkan secara lebih mendalam berkenaan kaedah *muhawarah* di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi memudahkan pembaca untuk menyelidiki serta membaca tesis ini, penyelidik telah merangka bentuk-bentuk serta persebahannya bagi tujuan tersebut. Rangka kajian ini terdiri daripada beberapa bab, iaitu:

Bab 1 : Pengenalan kajian

Bab pengenalan kajian merupakan bab yang menyentuh secara keseluruhan kajian ini. Ianya terdiri daripada beberapa sub topik seperti latar belakang kajian, penyataan masalah kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan kajian lampau.

Dalam bab pengenalan kajian ini juga, penyelidik akan menerangkan apakah tujuan serta matlamat kajian ini dijalankan. Selain daripada itu, penyelidik juga menyenaraikan kepentingan-kepentingan kajian ini kepada dunia pendidikan masa kini. Latar belakang kajian ini juga terkandung di dalam bab pengenalan kajian, yang mana ianya berkisarkan sebuah kajian di tiga buah sekolah kebangsaan yang terletak di daerah Klang, Selangor.

Bab 2 : Kajian literasi

Dalam rangka kajian tesis ini juga, penyelidik membuat satu tajuk khas yang diletakkan di Bab 2, iaitu kajian literasi. Kajian literasi ini juga dikenali sebagai kajian lepas. Ianya merupakan kajian-kajian yang pernah dibuat atau dihasilkan oleh mana-mana individu atau kumpulan sama ada dari golongan pendidik atau bukan, yang mana kajian yang dihasilkan ini mempunyai hubung kait dengan tajuk yang dibina oleh penyelidik.

Seterusnya kajian-kajian lepas ini akan diguna pakai oleh penyelidik bertujuan untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam menyempurnakan tesis ini. Selain daripada itu, tujuan rujukan ini adalah bagi memastikan tajuk serta isi kandungan tesis ini tidak menyimpang jauh dari objektif serta matlamat asal penulisannya.

Bab 3 : Metodogi penyelidikan

Sesebuah penyelidikan atau kajian itu tidak akan sempurna tanpa metod atau kaedah yang diguna pakai oleh penyelidik kajian tersebut. Dengan adanya metod kajian, sesuatu kajian itu akan lebih jelas bagaimana sesuatu data itu terhasil atau diperolehi.

Beginu juga dengan kajian di bawah tajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muahawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” ini. Penyelidik meletakkan Bab 3 sebagai Bab Metodologi Kajian. Dalam bab ini, penyelidik akan menerangkan tentang kaedah ataupun teknik bagaimana sesuatu dapatan kajian atau data diperolehi bagi membina kajian ini. Beberapa metod atau kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah :

- a) Kaedah kajian perpustakaan
- b) Kaedah temubual
- c) Kaedah pemerhatian
- d) Kaedah soal selidik

Tanpa metod kajian yang baik, sesuatu dapatan kajian atau data boleh mendatangkan keraguan dalam keboleh percayaannya. Maka oleh sebab itulah, penyelidik menggunakan keempat-empat kaedah tersebut dalam mencari data-data yang ingin diperolehi bagi membina penyelidikan ini.

Bab 4 : Dapatan kajian

Dapatan kajian merupakan satu bab yang penyelidik letakkannya sebagai bab khas di dalam tesis ini. Menurut penyelidik, ia merupakan bab yang paling penting, serta merupakan ‘tulang belakang’ bagi kajian ini. Segala dapatan serta data kajian yang diterima oleh penyelidik, terkandung di dalam bab keempat ini.

Sebagai contoh, teknik-teknik pengajaran yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Arab di tiga buah sekolah yang dikaji ini adalah berbeza sama sekali. Begitu juga penerimaan murid-murid terhadap pembelajaran yang menggunakan kaedah *muhawarah* juga adalah tidak sama antara satu sama lain. Justeru perkara-perkara seperti inilah yang penyelidik masukkan ke dalam bab keempat ini.

Bab 5 : Rumusan dan Cadangan

Bab yang terakhir di dalam tajuk tesis ini ialah bab penutup. Ia merupakan satu bab di mana penyelidik merumuskan segala dapatan-dapatan hasil daripada kajian yang

dijalankan oleh penyelidik. Di dalam bab ini juga, penyelidik sertakan juga beberapa cadangan yang penyelidik anggap praktikal untuk dijadikan panduan dan refleksi kepada mana-mana pihak yang ada kaitannya dengan dunia pendidikan secara langsung. Ianya merupakan penambahbaikan-penambahbaikan yang penyelidik sarankan untuk menjadikan teknik yang penyelidik kaji ini menjadi bertambah baih pada masa akan datang dan sesuai digunakan oleh mana-mana pihak.

1.10 Definasi operasional

Sesebuah kajian yang dijalankan oleh seseorang penyelidik sudah pasti mempunyai matlamat serta batasannya yang tersendiri. Mana-mana penyelidik yang menjalankan kajian dan penyelidikan tidak ingin tajuk penyelidikannya disalah tafsir oleh pembaca. Justeru definisi operasional adalah perlu bagi mengelakkan tajuk tesis serta disertasi ini disalah tafsirkan.

Maka di sini penyelidik ingin menafsirkan satu persatu tajuk kajian penyelidik yang bertajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” sebagai panduan oleh pembaca.

a) Pengajaran

Perkataan pendidikan ini adalah suatu perkataan yang tidak asing dalam dunia pendidikan. Ianya merupakan suatu perkataan yang sangat sinonim dengan aktiviti guru di dalam bilik darjah. Menurut Kamaruddin dan Siti Hajar (2003), pengajaran merupakan satu sistem aktiviti guru secara khusus ditujukan kepada murid-murid dengan tujuan membawa perubahan tingkah laku dikalangan murid-murid ini. Sistem aktiviti ini sebenarnya dirancang dan diolah oleh guru bagi menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada murid-murid dalam suasana yang dinamakan sebagai bilik darjah.

Sesungguhnya aktiviti pengajaran ini merupakan aktiviti yang sangat penting dalam proses pemindahan ilmu dari pengajar kepada murid-murid. Justeru, bagi menjadikan aktiviti pengajaran ini sesuatu yang praktikal, seseorang guru yang baik haruslah mencari kaedah serta teknik yang dapat menjadikan murid-murid menumpukan sepenuh perhatian mereka terhadap aktiviti pengajaran tersebut.

b) Pembelajaran

Sedikit berbeza dengan pengajaran, pembelajaran pula adalah aktiviti-aktiviti penerimaan data dan maklumat oleh murid-murid daripada guru. Dalam tajuk disertasi ini, pembelajaran didefinisikan sebagai penerimaan ilmu oleh murid-murid tahun enam yang mempelajari bahasa Arab daripada guru mereka.

Gaya sesuatu pembelajaran dapat dilihat berdasarkan beberapa faktor yang berkaitan kognitif, afektif dan fisiologi. Faktor-faktor ini memberi tindak balas terhadap suasana pembelajaran yang positif dan bersesuaian. Jika sesuatu pembelajaran itu positif dan kondusif, minat dan tumpuan pembelajaran murid-murid terhadap pelajaran juga akan meningkat, seterusnya ianya juga akan meningkatkan tahap akademik mereka (Zubaidah Ahmad Ishak : 1999)

c) **Muhawarah**

Dalam tesis yang dibangunkan oleh penyelidik ini, perkataan *muhawarah* dalam tajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” ini membawa maksud dialog atau perbualan. Menurut Muhammad Mukti (2005), dialog atau perbualan ini membawa kepada pengertian,

- a) saling berkomunikasi tentang pemikiran, perasaan, dan kehendak kepada sesuatu secara verbal;
- b) mewujudkan kemampuan reseptif dan bahasa ekspresif.

Justeru di dalam disertasi ini, perkataan *muhawarah* secara tidak langsung membawa maksud suatu kaedah atau aktiviti pengajaran yang dijalankan terhadap murid-murid yang mana disana wujudnya aktiviti berdialog atau perbualan antara satu sama lain.

d) Sekolah Rendah Kebangsaan

Sekolah rendah kebangsaan membawa maksud tahap sesebuah sekolah sebelum murid-murid memasuki sekolah menengah. Ianya adalah sebuah institusi pendidikan milik penuh kerajaan yang diselia oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Murid-murid yang belajar di institusi ini adalah terdiri daripada murid yang berumur enam tahun sehingga 12 tahun. Ianya dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu ;

1- Pra sekolah : enam tahun

2- Tahap satu : tujuh hingga sembilan tahun

3- Tahap dua : 10 hingga 12 tahun.

Walaupun demikian, terdapat juga institusi pendidikan yang bukan milik penuh kerajaan, sebagai contoh sekolah rendah agama (SRA) kelolaan jabatan agama Islam kerajaan negeri, sekolah rendah swasta dan pondok-pondok. Kemungkinan terdapatnya perbezaan-perbezaan yang ketara dari segi silibus pelajaran, walaupun subjeknya sama, seperti mata pelajaran bahasa Arab. Tetapi yang menjadi sampel kajian oleh penyelidik di sini adalah sekolah rendah kebangsaan di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.11 Penutup

Sebagai penutup bagi bab pengenalan ini, penyelidik berharap agar penyelidikan serta kajian ini mencapai maksud dan objektifnya, iaitu melihat sejauh mana keberkesanan dan implikasi kaedah *muhawarah* ini dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid tahun enam dan guru-guru di sekolah rendah kebangsaan.

Dengan terhasilnya kajian ini nanti, penyelidik menaruh harapan tinggi agar ianya dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam melaksanakan kaedah *muhawarah* ini, khususnya bagi mata pelajaran bahasa Arab di sekolah rendah kebangsaan mahupun di sekolah menengah.

Walaupun demikian, penyelidik juga berlapang dada dan membuka ruang kepada para pembaca untuk memberikan sebarang bentuk saranan dan cadangan membina kepada penyelidik demi memastikan kajian ini berada dalam tahap yang baik pada masa akan datang. Sesungguhnya manusia itu tidak lari dari sebarang bentuk kelemahan dan kealpaan. Semoga dengan saranan-saranan ini nanti, akan menjadi panduan kepada penyelidik dalam memperbaiki kajian-kajian pada masa akan datang, Insyaallah.